

<b>Ada hati</b>	Keinginan
<b>Alah bisa tegal biasa</b>	Segala kesusahan tidak akan terasa lagi sesudah biasa
<b>Alang-alang mandi biar basah</b>	Jika mengerjakan sesuatu janganlah sekerat jalan
<b>Ambil berat</b>	Memberikan perhatian yang istimewa terhadap sesuatu
<b>Ambil langkah</b>	Mula hendak bertindak
<b>Anak buah</b>	Orang yang termasuk dalam sesuatu keluarga/pasukan/ terletak di bawah tanggungjawab seseorang
<b>Anak emas</b>	Anak abdi yang diambil jadi anak angkat oleh suaminya; orang yang dikasihi dan diberikan layanan istimewa.
<b>Asam garam</b>	Berbagai-bagai pengalaman hidup (pahit, manis, suka duka)
<b>Bagai anjing buruk kepala</b>	Orang yang telah diketahui kejahatannya ke mana pergi dihinakan orang juga
<b>Bagai bulan dipagari bintang</b>	Kecantikan makin terserlah apabila dikelilingi orang yang cantik.
<b>Bagai bulan empat belas</b>	Peri keelokan muka perempuan
<b>Bagai cincin dengan permata</b>	Sama padan, cocok benar
<b>Bagai layang-layang putus tali</b>	Sudah putus harapan
<b>Bagai minyak dengan air</b>	Orang bermusuhan atau tidak sehaluan mustahil dapat dicampurkan jadi satu
<b>Bagai murai dicabut ekor</b>	Perempuan yang suka bercakap banyak
<b>Bagai pucuk dilancarkan</b>	Sangat laju atau lancar perginya
<b>Bagaimana acuan begitulah kuirnya</b>	Anak itu mengikut sikap dan rupa ibu bapanya kerana faktor baka
<b>Baik berjagiung-jagung sementara menanti padi masak</b>	Sementara menunggu sesuatu yang lebih baik, yang kurang baik pun boleh dipakai dahulu.
<b>Baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang</b>	Semakin berilmu atau tinggi pangkat semakin merendahkan diri (tidak sombong)
<b>Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian</b>	Bersusah payah dahulu kemudian baru bersenang-senang
<b>Berkatakanlah besar walaupun pahit</b>	Berterus-terang demi kebenaran walaupun mungkin menyakitkan hati seseorang
<b>Berpeluk tubuh</b>	Berdakap tubuh; tidak membuat apa-apa kerja
<b>Berpeluk tubuh</b>	Hanya memandang dari jauh sahaja, tidak melalukan apa-apa hanya melihat sahaja.
<b>Bersatu teguh bercerai roboh</b>	Kalau kita bersatu padu, kita akan menjadi kuat tetapi kalau kita bercerai-berai, kita akan menjadi lemah.
<b>Bersekutu bertambah mutu</b>	Bekerjasama antara satu sama lain akan menghasilkan kecemerlangan
<b>Bertanggung itu pencuri masa</b>	Melakukan kerja secara bertanggung akan merugikan diri sendiri.
<b>Besar hati</b>	Bangga, gembira, bongkak, sombong
<b>Biar putih tulang jangan putih mata</b>	Lebih baik mati daripada menanggung malu
<b>Buah fikiran</b>	Pendapat
<b>Buah hati</b>	Orang yang dikasihi
<b>Buah mulut</b>	Percakapan orang,
<b>Buah tangan</b>	Hasil pekerjaan; barang yang dibawa daripada perjalanan; ole-ole
<b>Bulat hati</b>	Lurus hati, teguh hati ,sungguh-sungguh

<b>Dalam tangan</b>	dalam kekuasaan seseorang
<b>Darah daging</b>	Anak atau orang yang mempunyai pertalian darah
<b>Darah panas</b>	Pemarah, lekas marah
<b>Diam-diam ubu berisi, diam-diam besi berkarat</b>	Diam orang yang berilmu itu berfikir, sementara diam orang yang bodoh itu sia-sia sahaja
<b>Hancur hati</b>	Sedih; putus asa
<b>Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama</b>	Orang yang berjasa itu akan selalu disebut-sebut orang walau berapa lamapun dia telah mati.
<b>Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih</b>	Jika dikehendaki bermacam-macam ikhtiar boleh dijalankan dan demikian kebalikannya
<b>Hidup ini satu perlumbaan</b>	Dalam kehiduoan seharian, kita terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan berlumba-lumba untuk mencapai sesuatu tujuan.
<b>Hidup segan mati tak mahu</b>	Orang yang hidup melarat
<b>Indah khabar daripada rupa</b>	Khabar mengenai satu-satu perkara biasanya lebih-lebihkan
<b>Jauhari juga yang mengenal manikam</b>	Hanya orang yang bijak sahaja yang mengetahui tentang keelokan ilmu
<b>Kaki ayam</b>	Tidak berkasut atau berselipar
<b>Kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya</b>	Mengajar seseorang itu hendaklah ketika ia masih muda, kalau sudah besar tidak akan berhasil lagi.
<b>Kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga</b>	Kalau pengetahuan itu sedikit, jangan hendak berbuat sesuatu yang besar
<b>Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya</b>	Tidak tercapai cita-cita jika tidak berusaha
<b>Kancil juga lupakan jerat</b>	Orang mudah melupakan bahaya tetapi bahaya tetap mengancam
<b>Kata dikota</b>	Janji mesti ditunaikan
<b>Kata-kata yang lebih tajam daripada mata pedang</b>	Perkataan yang dituturkan lebih menyakitkan
<b>Kebudayaan sendi perpaduan</b>	Kebudayaan menjadi sandaran dalam menyatukan sesuatu bangsa
<b>Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa</b>	Pengetahuan dan kelebihan itu tidak khusus pada orang-orang tua sahaja
<b>Makan angin</b>	Bersiar-siar untuk mendapatkan angin; melapangkan fikiran
<b>Manis jangan terus ditelan, pahit jangan terus dibuang</b>	Yang nampak baik itu jangan lekas diterima dan yang nampaknya buruk itu jangan lekas ditolak.
<b>Masa itu emas</b>	Masa sangat berharga
<b>Membaca jambatan ilmu</b>	Ilmu pengetahuan dapat ditingkatkan melalui pembacaan
<b>Mencari akal</b>	Berusaha mendapatkan cara untuk mencapai tujuan
<b>Muafakat membawa berkat</b>	Sesuatu kerja yang dilakukan dengan persetujuan bersama akan menghasilkan sesuatu yang baik.
<b>Nasi sudah menjadi bubur</b>	Perbuatan yang sudah terlanjut; tidak dapat diubah lagi.
<b>Otak yang cerdas ada pada badan yang sihat</b>	Dengan kesihatan yang baik, seseorang itu mampu mengemukakan fikiran yang bernas.
<b>Padang jarak padang terkukur</b>	Padang atau tanah luas yaditinggalkan
<b>Putih mata</b>	Berhiba hati menanggung rindu (seperti orang muda melihat tunangnya diambil orang)
<b>Putus asa</b>	Habis harapan (tiada harapan lagi)
<b>Rezeki kalau secupak takkan jadi segantang</b>	Sesuatu sudah ditentukan, tidak boleh diubah lagi.

<b>Ringan mulut</b>	Peramah, lancar dan fasih tutur katanya
<b>Ringan tulang</b>	Rajin bekerja, tangkas
<b>Sayang akan tangan-tangankan, sayangkan isteri tinggal-tinggalkan</b>	Anak yang dimanjakan dan isteri yang diuliti selalu itu akhirnya menjadi sombong
<b>Sepakat membawa berkat</b>	Sesuatu pekerjaan jika dilakukan melalui pakatan atau mesyuarat akan membawa hasil yang baik
<b>Seperti enai dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing</b>	Tidak muafakat dalam sesuatu perbincangan, hanya berpegang pada pendapat masing-masing sahaja
<b>Seperti lipas kudung</b>	Selalu bergerak dengan cepat; pantas atau cekap membuat kerja
<b>Sudah terhantuk baru terngadah</b>	Sesudah terkena baru beringat-ingat
<b>Tajam akal</b>	Mudah menangkap sesuatu atau mengerti, pintar , cerdik
<b>Tali barut</b>	Orang yang menjadi ampama (penyampai rahsia orang lain), barua
<b>Tangan terbuka</b>	Suka menolong orang yang dalam kesusahan, murah hati
<b>Tangan yang menghayun buaian mampu menggoncangkan dunia</b>	Walaupun bersifat lemah-lembut dan keibuan, wanita mampu menyumbangkan untuk membangunkan negara
<b>Tempat jatuh lagi dikenang inikan pula tempat bermain</b>	Tempat berlakunya sesuatu peristiwa pahit lagikan dikenang inikan pula tempat berlakunya peristiwa manis.
<b>Terang hati</b>	Terang fikiran; mudah mengerti
<b>Tulang empat kerat</b>	Anggota badan
<b>Ukur baju di badan sendiri</b>	Tiap-tiap pekerjaan itu hendaklah dipilih sesuai dengan kebolehan kita
<b>Umpama telur sesangkak, pecah satu pecah semuanya</b>	Orang yang semuafakat itu sama hidup sama mati dan tidak berubah setianya.